

## **Tren Penglibatan Golongan Rentan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Selandar Sebelum dan Selepas Pandemik COVID-19**

**Nur Azlin Azhari\*, Nor Hidayah Ahmad Mustafa dan Nor'akma Osman**

Kolej Komuniti Selandar

\*Pengarang pengantara: nurazlin.azhari@kkselandar.edu.my

### **Abstrak**

Pandemik COVID-19 telah banyak memberi impak kepada kehidupan manusia terutamanya golongan rentan seperti penjarakkan jurang ketidaksamarataan sosial berbanding sebelum ini disebabkan oleh faktor peningkatan pengangguran dan gangguan pendidikan. Oleh itu, program PSH yang bertujuan untuk memberikan pendidikan dan pembelajaran kepada segenap lapisan masyarakat dalam usaha untuk meningkatkan kemahiran disamping menjana pendapatan dan meningkatkan taraf ekonomi mula mendapat perhatian. Oleh yang demikian, Kolej Komuniti sebagai pusat pembekal PSH utama di Malaysia perlu mengenal pasti perubahan yang berlaku keatas tahap penglibatan golongan rentan dalam PSH sebelum dan selepas pandemik COVID-19 bagi memastikan peranan Kolej Komuniti sebagai pembekal PSH bagi golongan sasaran mencapai matlamat. Penggunaan data sekunder yang diperolehi dari sistem e-PSH, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi melihat tren penglibatan golongan rentan bagi julat tempoh masa 2019 hingga 2023 digunakan dalam proses pengumpulan data. Data yang dikumpulkan kemudian dan dibentangkan dalam bentuk graf dan jadual agar dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh. Analisa menunjukkan golongan belia mencatatkan bilangan penyertaan tertinggi pada tahun 2019 dengan 1991 orang peserta diikuti oleh golongan miskin dengan 1853 orang peserta pada tahun 2023. Manakala, orang asli menunjukkan tahap penglibatan paling rendah dengan 13 orang peserta sahaja melalui dua tahun penglibatan iaitu tahun 2021; 2 orang dan 2023; 11 orang. Tahun 2020 menunjukkan penurunan penyertaan yang mendadak berbanding tahun 2019 (3063 orang peserta) mungkin disebabkan oleh pandemik COVID19 yang membataskan pergerakan orang ramai melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Perbezaan kadar penglibatan yang jelas dapat dilihat daripada penyertaan oleh golongan miskin dalam PSH sebelum; 861 orang dan selepas; 1853 pasca pandemik. Seperti yang kita sedia maklum, pengurangan pendapatan dan juga pengangguran yang telah menyebabkan penambahan kepada bilangan orang miskin secara langsung. Situasi ini menyebabkan masyarakat mula mencari peluang dan ruang untuk meningkatkan kemahiran dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan PSH. Oleh yang demikian, perubahan dalam tren penglibatan golongan rentan dalam PSH di Kolej Komuniti Selandar mengikut kategori sebelum dan selepas pandemik dapat dilihat kesan dari beberapa faktor yang telah dikenalpasti.

**Kata kunci:** Golongan Rentan, Pandemik COVID-19, PSH

## 1.0 Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah banyak memberi impak kepada kehidupan manusia secara meluas. Sejak Mac 2020, krisis kesihatan ini telah mengakibatkan gangguan kepada pada ekonomi global, kesihatan manusia, kualiti hidup masyarakat, hubungan keluarga, peluang pekerjaan serta akses terhadap pendidikan. Selepas pandemik, jurang ketidaksamarataan sosial menjadi semakin meruncing berbanding sebelum ini disebabkan oleh faktor peningkatan pengangguran dan gangguan pendidikan. Keadaan ini menyebabkan masyarakat mula meneroka peluang dan ruang baru untuk mendapatkan atau meningkatkan kemahiran dan bakat baharu dalam usaha meningkatkan kebolehsuaian dan daya tahan individu dalam dunia yang serba mencabar ini. Oleh itu, pendidikan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang bertujuan untuk memberikan pendidikan dan pembelajaran kepada segenap lapisan masyarakat mula mendapat perhatian. PSH merangkumi pembelajaran formal, bukan formal dan kaedah lain sebagai pembelajaran sampingan dan juga kendiri.

Bagi golongan rentan yang terdiri dari kalangan belia, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), miskin dan orang asli, program PSH dilihat dapat membantu mereka dalam usaha membebaskan diri dari belenggu kemiskinan. Ini kerana melalui program PSH yang disertai, para peserta dapat meningkatkan kemahiran disamping menjana pendapatan dan meningkatkan taraf ekonomi mereka. Di Malaysia, Kolej Komuniti merupakan salah satu institusi pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET) yang memainkan peranan penting dalam pembudayaan PSH dikalangan masyarakat pelbagai peringkat umur, bangsa, agama, tahap Pendidikan, tahap pendapatan dan juga kebolehupayaan. PSH juga sering dilihat sebagai pembekal peluang kedua kepada individu yang ingin meningkatkan pengetahuan dan kemahiran diri. PSH juga dilihat dapat membantu mengurangkan jurang ekonomi, sosial dan juga fizikal diantara golongan rentan dan masyarakat umum. Namun yang demikian, golongan rentan biasanya tercicir dalam mendapatkan peluang dan maklumat ini dan mengakibatkan jurang sedia ada menjadi lebih besar.

Oleh yang demikian, Kolej Komuniti sebagai pusat pembekal PSH utama di Malaysia perlu mengenal pasti perubahan yang berlaku keatas tahap penglibatan golongan rentan dalam PSH sebelum dan selepas pandemik COVID-19 dalam memastikan peranan Kolej Komuniti dalam menyampaikan PSH kepada golongan sasaran mencapai matlamatnya. Melalui pemerhatian ini, pihak Kolej Komuniti juga boleh mengenalpasti faktor penarik dan juga penolak yang mungkin berlaku keatas penglibatan golongan rentan dalam PSH. Maka, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat perubahan tren penglibatan golongan rentan sebelum dan selepas pandemik dalam PSH di Kolej Komuniti Selandar (KKSL) serta mengenal pasti faktor penarik atau penolak yang menyumbang terhadap perubahan tren ini.

## 2.0 Sorotan Kajian

### 2.1 Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Modal insan dalam sesebuah negara dapat digilap dalam menghasilkan satu tahap kecemerlangan yang berterusan dan di sinilah peranan utama yang dimainkan oleh pembelajaran sepanjang hayat. Pembelajaran sepanjang hayat perlulah dilaksanakan secara holistic dan menurut laporan yang dikeluarkan oleh United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) bertajuk “Learning To Be” menyatakan capaian kepada pendidikan tidak sepatutnya dihadkan kepada golongan elit atau mereka yang berada dalam lingkungan umur yang tertentu sahaja dan ianya perlu sebatи di dalam anggota masyarakat secara keseluruhan (Hisyam, 2008). PSH merupakan satu pembelajaran menyeluruh dan berterusan, merangkumi semua bentuk aktiviti pembelajaran bagi semua peringkat umur dan latar belakang sosio-ekonomi bagi memenuhi keperluan pembelajaran yang disediakan dalam pelbagai kaedah (Musli, 2023). Pendidikan secara formal dan tidak formal yang diterapkan dalam PSH menjadikannya satu bentuk modul yang saling melengkapi. Ini dapat dilihat dengan berlakunya peningkatan dalam pemahaman masyarakat terhadap pendidikan terkini daripada konteks yang pelbagai dan idea yang menyeluruh (Che Wan Ida Rahimah & Amir Mustafa; 2023). Oleh itu, pendekatan kerajaan dalam memberi keutamaan kepada pendidikan berterusan atau lebih dikenali sebagai PSH diterjemahkan dengan memperuntukkan sejumlah besar bajet dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK 12) bagi mendepani cabaran Revolusi Keempat (IR 4.0) perlu diberi pujian.

### 2.2 Golongan Rentan

Golongan rentan biasanya terdiri beberapa kelas masyarakat yang mempunyai ciri dan definisinya tersendiri. Secara umum, golongan rentan ini dirujuk kepada segmen masyarakat yang lebih mudah terdedah kepada bahaya, diskriminasi, atau kekurangan dari pelbagai faktor seperti keadaan sosial, ekonomi, geografi, ataupun keadaan fizikal mereka (Social Protection & Human Right Organization, 2023). Golongan ini juga dilihat memerlukan sokongan dan perlindungan khusus dalam memastikan kesejahteraan dan kesamarataan dalam masyarakat kerana kumpulan ini lebih mudah menghadapi risiko serta sering keciran dalam mencapai sebarang sumber dan peluang. Golongan rentan biasanya dikelaskan kepada Wanita, Warga Emas, Orang Kelainan Upaya (OKU), Orang Miskin, Belia, Pelarian atau Imigran (UNEG-DI, 2020). Di Malaysia, mulai tahun 2022 kategori golongan rentan telah diperluaskan kepada 12 golongan antaranya gelandangan, individu tanpa dokumen perjalanan (stateless), pelarian, pesakit penyakit berjangkit, miskin dan sebagainya (Ismail Sabri, 2022). Hal ini disebabkan oleh penularan COVID-19 yang secara globalnya telah mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi dalam banyak sektor dan menjelaskan pendapatan dan peluang pekerjaan seterusnya menjarakkan lagi jurang sosio-ekonomi.

### **2.3 Cabaran Golongan Rentan dalam Krisis Pandemik COVID-19**

Pandemik COVID-19 telah mendedahkan golongan rentan kepada ketidak seimbangan ekonomi, sosial dan juga emosi. Menurut Shawaliyah (2020), penyusutan pendapatan sebanyak 20 % dan penurunan drastik kadar penggunaan per kapita pada era pandamik menjadikan berlakunya penambahan peratusan bilangan miskin tegar secara global. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dijalankan oleh pihak kerajaan memberikan impak yang besar terhadap sumber pendapatan kebanyakan golongan rentan. Ini kerana biasanya golongan ini merupakan pekerja tidak formal yang kebanyakannya mempunyai sedikit atau tiada langsung simpanan wang kecemasan, mudah terdedah dengan risiko pemotongan gaji dan kehilangan peluang pekerjaan serta tidak dilindungi daripada jaringan keselamatan sosial kukuh. Kementerian Kesihatan melalui Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menyeru masyarakat untuk terus memainkan peranan dalam melindungi golongan rentan dalam usaha menangani pandamik pada 2021 (Bernama, 2020). Hal ini cukup jelas menunjukkan golongan ini berdepan bukan sahaja dengan krisis kesihatan global tetapi juga dari sudut sokongan moral. Kebanyakan mereka yang terdiri daripada golongan rentan ini dari sudut sosio-ekonominya agak tidak stabil dan mereka juga turut mengalami peningkatan dalam kemurungan emosi.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melihat tren penglibatan golongan rentan dalam program PSH di Kolej Komuniti Selandar sebelum dan selepas pandemik COVID-19. Penggunaan data sekunder digunakan sepenuhnya untuk mencapai tujuan tersebut. Menurut Majid (2007), data sekunder adalah data yang direkodkan atau dihasilkan oleh pihak lain seperti laporan statistik, laporan teknikal, jurnal dan juga buku. Data sekunder yang digunakan dalam kajian kuantitatif ini telah diperoleh dari sistem e-PSH, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bagi melihat tren penglibatan golongan rentan dari kategori belia, ibu tunggal, warga emas, orang kurang upaya (OKU), miskin dan orang asli bagi julat tempoh masa 2019 hingga 2023; pra dan pasca Covid-19. Data yang dikumpulkan kemudian dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan dibentangkan dalam bentuk graf dan jadual dengan menggunakan perisian Microsoft Excell 365 agar dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh.

### **4.0 Analisis dan Perbincangan**

Hasil dapatan dari data penyertaan PSH di Kolej Komuniti Selandar dari tahun 2019 sehingga 2023 menunjukkan terdapat penglibatan dari golongan rentan yang terdiri dari kategori belia, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), miskin dan orang asli (Jadual 1). Kesemua kategori telah menunjukkan penglibatan dalam setiap tahun kecuali kategori orang asli yang hanya menunjukkan penglibatan pada tahun 2021; 2 orang peserta dan 2023; 11 orang peserta. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurang promosi atau pendedahan berkenaan PSH dijalankan kepada orang asli oleh pihak pembekal PSH. Golongan belia mencatatkan bilangan

penyertaan tertinggi pada tahun 2019 dengan 1991 orang peserta diikuti oleh golongan miskin dengan 1853 orang peserta pada tahun 2023.

**Jadual 1:** Penglibatan Golongan Rentan dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Selandar (2019-2023)

Kategori Golongan Rentan	Tahun				
	2019	2020	2021	2022	2023
Belia	1991	591	1067	1008	929
Warga Emas	40	21	38	66	79
Ibu Tunggal	16	11	37	37	13
Orang Kurang Upaya (OKU)	155	34	59	181	186
Miskin	861	396	862	580	1853
Orang Asli	0	0	2	0	11
	3063	1053	2065	1872	3071
					11 124

Sumber: Sistem e-PSH, JPPKK


Perbezaan kadar penglibatan yang jelas dapat dilihat daripada penyertaan oleh golongan miskin dalam PSH sebelum; 861 orang dan selepas; 1853 pasca pandemik. Seperti yang kita sedia maklum, sewaktu pandemik banyak sektor pekerjaan ditutup atau tidak beroperasi pada kadar optimum. International Labour Organization (ILO) (2021) menyatakan 8.8% pengurangan waktu bekerja mingguan dapat dilihat pada tahun 2020 berbanding tahun 2019 pada sukuan sama. Pengurangan waktu bekerja ini dilihat menyumbang kepada situasi pengurangan pendapatan dan juga pengangguran yang telah menyebabkan penambahan kepada bilangan orang miskin secara langsung. Situasi ini menyebabkan masyarakat mula mencari peluang dan ruang untuk meningkatkan kemahiran dalam mendepani cabaran masa kini. Pelaksanaan PSH yang terbuka dan fleksibel dilihat sebagai satu kaedah yang dapat mempersiapkan diri untuk menjadi lebih kompeten dan berdaya saing. Ting et al., (2015) menyatakan hampir 50% orang peserta yang menjalani program PSH telah berjaya mendapatkan pekerjaan dan membuka perniagaan melalui pengetahuan dan kemahiran yang telah diperolehi.

Rajah 1 menunjukkan tren penglibatan golongan rentan dalam PSH di Kolej Komuniti Selandar sepanjang 5 tahun iaitu mula 2019 hingga 2023. Tahun 2023 menunjukkan bilangan peserta tertinggi dengan 3071 orang peserta dan terendah pada 2020 dengan 1053 orang peserta. Tahun 2020 menunjukkan penurunan mendadak berbanding tahun 2019 (3063 orang peserta) adalah disebabkan oleh pandemik COVID19 yang membataskan pergerakan orang ramai melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan cabaran dalam pelaksanaan keadaan pembelajaran secara tradisional seterusnya menyumbang kepada tren penurunan ini. Peningkatan penglibatan dapat dilihat mulai tahun 2021 dengan

pertambahan lebih 1000 orang peserta berbanding tahun sebelumnya. Ini mungkin disebabkan oleh inisiatif dan bantuan kerajaan yang diperkenalkan seperti program pemberian latihan percuma seperti Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan lain-lain. Ruwaida (2021) menyatakan bahawa sehingga 15 September 2021, intensif yang diperkenalkan oleh pihak Kerajaan dan agensi terlibat telah berjaya membantu 7,256 peserta mendapatkan pekerjaan dan menjana pendapatan.



**Rajah 1:** Bilangan peserta PSH di Kolej Komuniti Selandar dalam tempoh 5 tahun (2019-2023)



**Rajah 2:** Bilangan peserta PSH dari golongan rentan di Kolej Komuniti Selandar dalam tempoh 5 tahun (2019-2023)

Golongan belia menunjukkan penglibatan tertinggi dalam PSH di KKSL dengan 5586 orang peserta diikuti dengan miskin seramai 4552 orang peserta dan OKU seramai 615 orang peserta (Rajah 2). Landskap pasaran tenaga kerja global menunjukkan golongan belia sukar menempatkan diri

dalam dunia pekerjaan berbanding golongan dewasa lain disebabkan kekurangan dari segi pengalaman, pengetahuan dan juga kemahiran. Krisis pandemik ini juga menyebabkan kebanyakannya golongan belia makin terpisah dengan sistem pendidikan formal dan akhirnya mereka mula mencari peluang kedua dalam melengkapkan diri mereka selepas keciciran dalam pendidikan awal mereka. Konsep PSH biasanya merujuk kepada proses peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam bidang tertentu dengan tujuan perkembangan diri, masyarakat mahupun pekerjaan (Field, J., 2001; Aspin & Chapman, 2000). Oleh yang demikian, kesedaran terhadap PSH dikalangan belia dilihat lebih tinggi berbanding kategori golongan rentan lain.

Berdasarkan dapatan di atas, faktor penarik yang telah dikenalpasti ialah krisis pandemik, kemerosotan ekonomi, kesedaran untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dan juga bantuan dari Kerajaan serta pihak berwajib. Manakala, faktor penolak yang telah dikenalpasti pula adalah kurang kadar kebolehcapaian beberapa golongan rentan tertentu seperti orang asli dalam mendapatkan maklumat dan pendedahan berkaitan PSH di Kolej Komuniti. Memahami faktor penarik dan penolak yang mempengaruhi pembelajaran sepanjang hayat sebelum dan selepas pandemik dikalangan golongan rentan membolehkan penggubal dasar, tenaga pengajar dan institusi membangunkan intervensi yang bersesuaian. Intervensi yang dikenalpasti akan dapat mengurangkan jurang pendidikan dan meningkatkan kesejahteraan ekonomi serta kesihatan mental bagi golongan ini yang akhirnya dapat menjadikan mereka lebih berdaya saing dan sejahtera secara keseluruhan.

## 5.0 Rumusan dan Cadangan

Berdasarkan data penyertaan PSH di Kolej Komuniti Selandar dari tahun 2019 sehingga 2023 menunjukkan penglibatan dari golongan rentan yang terdiri daripada pelbagai kategori belia, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU), miskin dan orang asli. Dapatan tren menunjukkan pada tahun 2020 penurunan yang mendadak bagi penglibatan golongan rentan dalam PSH di KKSL berbanding pada tahun 2019. Namun pada tahun 2023 tren penglibatan golongan rentan dalam PSH menunjukkan peningkatan yang positif. Situasi ini adalah disebabkan peluang bagi golongan rentan untuk melibatkan diri dengan aktiviti PSH dalam meningkatkan kemahiran dan ekonomi melalui kesedaran kendiri dan juga bantuan dan inisiatif dari pihak berwajib. Kesimpulannya, kesedaran terhadap peranan Kolej Komuniti sebagai pembekal program PSH dikalangan golongan rentan adalah positif dalam membantu mereka membuka peluang kepada kehidupan yang lebih baik. Namun, beberapa usaha penambahbaikan seperti promosi yang lebih meluas dan berfokus perlu dilaksanakan tiada kategori golongan rentan yang tercincir dari mendapatkan maklumat dan pendedahan berkaitan PSH.

Selain daripada itu, beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh diadakan di masa akan datang ialah mengenal pasti keperluan dan keinginan golongan rentan dalam PSH. Ini termasuk mengumpulkan

maklum balas secara langsung dari komuniti seterusnya menyesuaikan program-program pembelajaran sedia ada mengikut keperluan. Selain itu, penilaian terhadap kesan dan keberkesanan program-program PSH yang telah ditawarkan kepada golongan rentan boleh dilaksanakan. Hasil daripada pengumpulan data dan analisis ini boleh digunakan untuk memahami cabaran, menambahbaik program sedia ada dan juga memastikan sokongan yang sesuai diberikan kepada golongan rentan.

## Rujukan

- Aspin, D. N. & Chapman, J. D. (2000). Lifelong learning: concepts and conceptions. *International Journal of Lifelong Education*, 19 (1), 2-19
- Che Wan Ida Rahimah, C.W.I dan Amir. M. (2023). Pembelajaran Sepanjang Hayat Melahirkan Modal Insan Berkualiti. Jendela DBP. Retrieved June 2024 from <https://dewanmasyarakat.jendeladbp.my/2023/01/13/11638/>
- Field, J. (2001). Lifelong education. *International Journal of Lifelong Education*, 20 (1/2), 3-15.
- International Labour Organization. (2020). The digitization of TVET and Skills Systems. Geneva, Switzerland. ILO.
- Ismail Sabri. (2022). Kenyataan Media YAB Perdana Menteri; Pendekatan Holistik Melindungi Golongan Rentan. Putrajaya, Malaysia.
- Majid, A. R. A. (2007). Guru sebagai penyelidik. PTS Professional.
- Musli, M. (2023). Pembelajaran Sepanjang Hayat Lahirkan Generasi Berdaya Saing <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2220206>
- MyMetro. (2020). Lindungi Golongan Rentan. Retrieved June 2024. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/12/658891/lindungi-golongan-rentan-dr-noor-hisham>
- Ruwaida, Z. (2021). KPT lancar Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan. Retrieved on <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/868261/kpt-lancarpelanstrategik-kebolehpasaran-graduan>
- Social Protection & Human Right Organization. (2023). Disadvantaged and vulnerable groups. Retrieved on June 2024 from <https://socialprotection-humanrights.org/key-issues/disadvantaged-and-vulnerable-groups/>.
- Syawaliyah, H. (2023). Miskin tegar meningkat kepada 144,932 – Mustapa. Malaysia Gazette. Retrieved on 6 June 2024 from <https://malaysiagazette.com/2022/07/18/miskin-tegar-meningkat-kepada-144932-mustapa-mohamed/>
- Ting, S., Ibrahim, S. H., Affandi, R., Baharun, A., Zainal Abidin, W. A., & Sim, E. (2015). Lifelong Learning for Personal and Professional Development in Malaysia. Catalyst. 12(2), 6-23.